



The Smarter & Effective Learning Approach

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

Program Bahasa Melayu Sekolah Menengah

SM5

Analisis Novel

Tirani

Fokus SPM

Nama : _____

Fokus Novel Tingkatan 5 – Tirani

Fokus 1

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani, karya Beb Sabariah. Terdapat **dua peristiwa yang dapat dijadikan panduan hidup**.

Peristiwa pertama ialah Zahid sedar segala yang berlaku terhadap dirinya merupakan kemurkaan Allah disebabkan perbuatannya yang lalu dan sedikit sebanyak Zahid telah berubah selepas kejadian yang menimpa dirinya itu (Bab 24. Hal343). **Hal ini dikatakan demikian kerana** sejauh mana sekalipun kejahatan yang kita lakukan, kita mestilah insaf dan kembali ke pangkal jalan.

Peristiwa kedua ialah Raidah sanggup pergi ke Singapura untuk membawa ketupat lepas kepada anaknya, Waheeda. (Bab 5, Hal. 67) . **Hal ini dikatakan demikian kerana** kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya perlu dijadikan sebagai panduan hidup kita.

Fokus 2

Novel yang telah saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Tirani, karya BebSabariah. Terdapat banyak **cabaran yang dihadapi oleh watak utama** dalam novel ini. Watak utama novel ini ialah Waheeda.

Cabaran pertama yang dihadapi oleh Waheeda ialah cabaran wajahnya yang berhidung pesek menjadi ejekan kawan-kawanya, Si Nuar, Si Man dan Si Mat Gusi di sekolah rendah sehingga menjadikan Waheeda malu akan keadaan wajahnya itu. (Bab 1. Hal. 2) Waheeda ingin melakukan pembedahan kosmetik pada hidungnya tetapi dibantah oleh ayah dan emaknya kerana dianggap bertentangan dengan hukum syarak dan konvensi agama. (Bab 1, Hal. 2) (Bab 2, Ha1.31) Akibat gigitan dan cakaran monyet Belanda, Waheeda menjalani pembedahan rekonstruksi pada hidung dan mata di Silicon Medical Center, Singapura dengan sokongan ibunya. Akhirnya , Waheeda memiliki wajah yang lebih cantik setelah pembedahan sehingga dinobatkan sebagai juara Pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa di The Four Seasons Hotel. (Bab 11, Ha1.158)

Cabaran kedua yang dihadapi oleh Waheeda ialah cabaran suaminya, Zahid beranggapan bahawa Waheeda mempunyai hubungan dengan lelaki lain. Zahid seterusnya beranggapan bahawa anak perempuan yang dilahirkan Waheeda adalah bukan hasil persetubuhan dengannya. (Bab 13, Ha1.268) Hal ini menyebabkan

Waheeda membuat ujian DNA bagi menepis tuduhan Zahid. (Bab 13, Ha1.271) Akhirnya, DNA membuktikan bahawa Izzati ialah anak Zahid. (Bab 13, Hal.274). Namun, Zahid masih bertindak nekad untuk menceraikan Waheeda.

Fokus 3

Novel yang telah saya kaji ialah Tirani karya Beb Sabariah. Dalam novel ini, terdapat **beberapa peristiwa yang menyentuh perasaan simpati pembaca.**

Peristiwa pertama ialah Waheeda telah dimasukkan ke Hospital Normah untuk bersalin. [Bab 19, Hal.263] Namun demikian, Zahid tidak datang menemani Waheeda yang sakit untuk bersalin. Ibu mentuanya menyatakan Zahid sibuk kerana di hotelnya berlangsung konvensyen antarabangsa. **Peristiwa ini menimbulkan simpati pembaca** kerana Zahid tiada di sisi Waheeda ketika dia memerlukan kehadiran suami di sisi malah Zahid telah menuduh Waheeda bermain kayu tiga, nusyuz, ingkar dan banyak lagi. Zahid suka mengungkit perkara-perkara yang sudah berlaku. Yang paling menyakitkan hati Waheeda apabila Zahid tidak pasti bahawa Izzati itu anaknya.

Peristiwa kedua ialah Raidah ibu kepada Waheeda yang perasan akan perubahan yang dialami oleh anaknya. [Bab19, Hal.281] Perasaan sayang dan cinta terhadap Zahid menjadikan jiwa Waheeda tidak tenteram. Kemurungan Waheeda juga dapat diperhatikan oleh Ghazi dan mencadangkan Waheed agar mendapat bantuan pakar perubatan dan kaunseling. **Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati** kepada pembaca bahawa dalam kehidupan berumahtangga, perlu ada sikap saling mempercayai dan jujur antara satu sama lain. Perasaan saying Waheeda terhadap suaminya menyebabkannya menjadi murung dan perlu dirawat dengan segera.

Fokus 4

Novel yang telah saya kaji ialah Tirani yang dikarang oleh Beb Sabariah. Terdapat **tiga peristiwa yang menunjukkan kegembiraan** dalam novel tersebut.

Peristiwa pertama ialah Kamri membuat lawak tentang sebutan "konat-konat" yang membuatkan Fatimah, Waheeda dan Babu Saidiyah tertawa (Bab 1, Hal. 7). **Peristiwa ini telah menyebabkan ketiga-tiga orang watak tersebut gembira.**

Peristiwa kedua ialah Waheeda berjumpa Kembali dengan sahabat lamanya, Bazilah di Singapura dan berbual tentang kisah lama semasa di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. (Bab 4, Hal. 52). **Peristiwa ini menyebabkan mereka** teringat akan kenangan lama yang menggembirakan dan sukar untuk dilupakan.

Peristiwa yang ketiga ialah Waheeda berubah wajah menjadi cantik selepas beberapa lama menjalani pembedahan sehingga dipuji oleh ibuan sahabatnya. (Bab 6, hal 91) **Peristiwa ini menimbulkan kegembiraan kepada Waheeda** kerana timbul perasaan bangga dan hilang rasa rendah diri selama ini.

Fokus 5

Novel yang telah saya kaji ialah novel Tirani yang dikarang oleh Beb Sabariah. Terdapat **dua peristiwa yang menunjukkan kesedihan** dalam novel ini.

Peristiwa sedih yang pertama ialah Waheeda dituduh melakukan perbuatan curang oleh suaminya, Zahid. (Bab 19, Hal. 267) **Peristiwa ini amat menyedihkan kerana** sebagai seorang suami, Zahid tidak sepatutnya menuduh isterinya eurang tanpa sebarang bukti.

Peristiwa sedih yang kedua ialah Waheeda diceraikan oleh Zahid. (Bab 20, Hal, 289) **Peristiwa ini amat menyedihkan kerana** Waheeda diceraikan tanpa alasan yang wajar.

Fokus 6

Novel yang saya kaji ialah Tirani yang dikarang karya Beb Sabariah. Terdapat **dua peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan watak utama** novel ini.

Peristiwa pertama ialah Waheeda merangka program untuk disediakan kepada para pelancong di Flamingo de Larossa (Bab 9, Hal. 137). **Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan yang ada pada Waheeda** untuk menarik kehadiran pelancong.

Peristiwa kedua pula ialah Waheeda telah membuat ujian DNA terhadapnya anaknya, Izzati agar dapat menyangkal dakwaan Zahid yang tidak mengakui Izzati sebagai anak

kandungnya (Bab 19, Hal. 278). **Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan yang ada pada Waheeda** untuk membuktikan kebenaran. Peristiwa ketiga ialah Waheeda mengatasi masalah kemurungannya dengan mendapatkan rawatan dan khidmat pakar kauseling, Dr. Qamariah di Pusat Rawatan Islam(PUSRAWI) (Bab 20, Hal. 289). Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan pada Waheeda untuk menyelesaikan masalah.

Fokus 7

Novel yang saya kaji ialah Tirani yang dikarang oleh Beb Sabariah. **Terdapat dua peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca** dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah Waheeda menyatakan bahawa dia telah diceraikan oleh suaminya dengan talak satu di hadapan ibu bapanya (Bab 20, Hal. 289). **Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana** suami Waheeda, iaitu Zaidi terlalu terburu nafsu dan tergopoh-gapah membuat keputusan penceraian tersebut sehingga menyebabkan Waheeda terpaksa memelihara dan mendidik Izzati hingga dewasa sebagai ibu tunggal.

Peristiwa yang kedua pula ialah kedatangan Datin Hazirah dan Aniyah dengan membawa sejambangan bunga ke Hospital Pakar Normah untuk melawat Waheeda yang baru sahaja bersalin melahirkan Izzati (Bab 19, Hal. 264). **Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana** Datin Hazirah berusaha untuk menjernihkan suasana tegang yang berlaku dalam krisis rumah tangga antara anaknya, Zahid dengan menantunya itu.

Fokus 8

Novel yang saya kaji ialah novel Tirani yang dikaryakan oleh Beb Sabariah. Terdapat **dua peristiwa yang menunjukkan kritikan pengarang kepada masyarakat** dalam novel ini.

Kritikan yang pertama ialah pengarang mengkritik masyarakat yang menghina orang lain kerana ada kekurangan atau kecacatan. Mat Gusi yang menghina Waheeda

melalui ejekan yang mengatakan hidung Waheeda pesek dan wajahnya tidak cantik (Bab 1, Hal.2). Akhirnya, Mat Gusi mati kerana diserang penyakit jantung berlubang (Bab 1, Hal.1A).

Kritikan yang kedua ialah **pengarang mengkritik suami yang zalim kepada isterinya**. Zahid tidak mahu bersama isterinya yang akan melahirkan anak pertama, sebaliknya dia menuduh isterinya melahirkan anak yang bukan zuriatnya sehingga dia menceraikan isterinya dengan talak satu. (Bab 19, Hal.277). Akhirnya, Zahid ditimpa kemalangan dan mengalami kecacatan seumur hidup.

Fokus 9

Novel yang telah saya kaji ialah novel Tirani, karya Beb Sabariah. Terdapat **beberapa konflik yang dihadapi oleh watak utamanya**, iaitu Waheeda.

Konflik pertama yang dihadapinya ialah penentangan hasratnya untuk menjalani pembedahan plastik pada wajahnya untuk menjadi cantik [Bab 1, Hal. 2] Waheeda memberitahu ibunya, Raidah bahawa beliau ingin menjalani pembedahan plastik. Namun, bapa Waheeda tidak bersetuju kerana mengubah ciptaan Tuhan bercanggah dengan hukum agama. Penyelesaiannya ialah Emak Waheeda terus memujuk anaknya supaya tidak meneruskan niat yang dihajatnya. Waheeda akur akan nasihat ibunya.

Konflik kedua yang dihadapi oleh Waheeda ialah beliau dituduh melahirkan anak bukan daripada zuriatnya oleh Zahid[Bab 19,Hal. 277]. Cara beliau menyelesaikan konflik ini ialah Waheeda membuat ujian DNA. Hasil daripada ujian tersebut membuktikan bahawa anak yang dilahirkan, iaitu Izzati merupakan anak Zahid.

Fokus 10


Novel yang saya kaji semasa di Tingkatan 5 ialah Tirani, hasil karya oleh Beb Sabariah. Banyak terdapat **peristiwa yang memberikan kesedaran kepada pembaca** dalam novel ini.

Peristiwa pertama ialah gejalak rasa Waheeda sedikit terpadam apabila mengingkatkan kata-kata oleh Ustazah Ruqaiyah bahawa kecantikan hanyalah luaran, sedangkan kecantikan sebenar terletak pada hati luhur. (Bab 1, Hal5) **Peristiwa ini membawa kesedaran kepada pembaca bahawa** kita mestilah bersyukur dengan sesuatu yang ada pada kita.

Peristiwa kedua ialah Waheeda membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah untuk membeli chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, Abdul Aziz Imran. (Bab20, Hal.304). **Peristiwa ini membawa kesedaran kepada pembaca bahawa** kalau kita gigih berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita pasti akan berjaya.

Program Bahasa Melayu Edubest

Pelan Lokasi



The Smarter & Effective Learning Approach

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

No.2-1, Jalan 4/109E, Desa Business Centre, Taman Desa, 58100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7983 7650

<http://www.edubest.com.my>